

1976

4/5

KUALA LUMPUR, 26 JULAI (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGESYORKAN PERSATUAN PENERBIT DAN PERSATUAN PENJUAL BUKU BEKERJASAMA MENGUJUDKAN SUATU SISTEM PENGEDARAN DAN PENJUALAN BUKU KE PEKAN-PEKAN KECIL DI LUAR BANDAR BAGI MENINGKATKAN LAGI KADAR PENGEDARAN DAN PENJUALAN SEKARANG.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, JABATAN PELAJARAN NEGERI HENDAKLAH MEMPERKEMASKAN DAN MEMPERBAIKI LAGI KHIDMAT PERPUSTAKAAN SEKOLAH DENGAN MEMBERIKAN KEUTAMAAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA, PERPUSTAKAAN SEKOLAH HENDAKLAH BEKERJASAMA DENGAN PERPUSTAKAAN AWAM BAGI MENUBUHKAN PERPUSTAKAAN-PERPUSTAKAAN AWAM YANG KECIL DI LUAR BANDAR, DI PEKAN-PEKAN KECIL DAN KAMPUNG.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERESMIKAN SEMINAR DAN PAMIRAN BAHAN BACAAN KANAK-KANAK DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.

DR. MAHATHIR BERKATA, MEMANDANGKAN KEPADA PERKEMBANGAN BACAAN BUKU, SUATU PENGAWASAN YANG BERKESAN PERLU DIBUAT SUPAYA SEMUA BAHAN BACAAN YANG DITERBITKAN TERUTAMA SEKALI BACAAN KANAK-KANAK SENTIASA TERJAMIN MUTUNYA.

BELIAU BERPENDAPAT ADA BAIKNYA DIPULEHKAN LEMBAGA KEMAJUAN BUKU KEBANGSAAN YANG TERLETAK DIBAWAH KEMENTERIAN PELAJARAN UNTUK MENGAWASI KEADAAN ITU. -- BERSAMBUNG 1300/SZ

B528:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU KEMUDIAN MEMBIDAS PENERBIT SETENGAH-SETENGAH BUKU KANAK-KANAK YANG MEMPERHITUNGGAN KEUNTUNGAN DAGANG SEMATA-MATA.

+SAYA TIDAK MENAFIKAN BAHAWA MOTIF DAN ASPEK DAGANG ATAU COMMERCIAL ADALAH PENTING, TETAPI TIDAKLAH SEHARUSNYA DIJADIKAN TEKANAN YANG PALING UTAMA, SEHINGGA ASPEK-ASPEK LAIN TERABAI ATAU DIABAIKAN, + KATA BELIAU.

MENGENAI PENERBITAN BAHAN BACAAN KANAK-KANAK DI NEGARA INI, BELIAU BERKATA, IA MEMPUNYAI MASA DEPAN YANG BAIK MEMANDANGKAN JUMLAH SEKOLAH DAN KANAK-KANAK YANG ADA SEKARANG INI.

KERAJAAN TELAH PUN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TEGAS UNTUK MEMAJUKAN BIDANG PEMBACAAN DENGAN MENGADAKAN KURSUS-KURSUS UNTUK GURU-GURU PENGAWAS PERPUSTAKAAN DI SKOLAH-SEKOLAH.

TAHUN LALU KEMENTERIANNYA MEMBELANJAKAN \$3.9 JUTA UNTUK PERPUSTAKAAN SEKOLAH, DAN \$2.8 JUTA DARIPADANYA UNTUK PERPUSTAKAAN SEKOLAH RENDAH.

MENGENAI PENULISAN DAN PENERBITAN BAHAN BACAAN KANAK-KANAK, BELIAU BERKATA, DALAM BANYAK ASPEK IA LEBIH SUKAR DARI MENYEDIAKAN BAHAN BACAAN UNTUK ORANG DEWASA. -- BERSAMBUNG 1303/SZ

B529:
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BAGI BACAAN KANAK-KANAK, ILUSTRASI MEMAINKAN PERANAN PENTING DAN PERANAN PENULIS DAN PELUKIS HAMPIR SAMA BERATNYA. ASPEK BAHASA, SAIKOLOGI DAN PENDIDIKAN MERUPAKAN ASPEK-ASPEK YANG SUKAR DAN PENTING.

SEMINAR SEHARI ITU BERTUJUAN, ANTARA LAIN, MENARIK PERHATIAN PENULIS, PELUKIS DAN PENERBIT TERHADAP ASPEK PENULISAN DAN TEKNIK BAHAN BACAAN KANAK-KANAK.

DUA KERTAS KERJA DI BENTANGKAN DI SEMINAR ITU ANJURAN BERSAMA PERSATUAN PENULIS NASIONAL MALAYSIA (PENAMA) DAN YAYASAN PENDIDIKAN RAIHAN DENGAN KERJASAMA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.

SEMENTARA ITU, PENERBIT TITIWANGSA TELAH MEMENANGI HADIAH PERTAMA PERTANDINGAN BAHAGIAN NOVEL KANAK-KANAK ANJURAN PENAMA. TEMPAT KEDUA DI MENANGI OLEH UTUSAN MELAYU DAN KETIGA FAJAR BAKTI.

ANTHONIAN STORE TELAH MEMENANGI HADIAH PERTAMA DALAM BAHAGIAN BERGAMBAR. KEDUA DI MENANGI OLEH PENERBIT NUSANTARA DAN KETIGA UTUSAN MELAYU. -- BERNAMA 1305/SZ